

135.

SOALAN NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 26 MAC 2018

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan tindakan terhadap permasalahan pemberhentian kerja pada 1 Januari 2016 hingga 1 Februari 2018.

PR-1361-L04696

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Sistem Insurans Pekerjaan hanya berkuat kuasa pada 1 Januari 2018, semua pemberhentian sebelum tarikh tersebut tidak akan dilindungi atau mendapat faedah di bawahnya. Walau bagaimanapun atas keprihatinan kerajaan, sekiranya pekerja diberhentikan kerja mulai 1 Januari 2018, PERKESO akan membayar bantuan interim sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan tertakluk kepada kesediaan pekerja untuk mencari kerja secara aktif.

2. Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM122 juta kepada PERKESO untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2018. Berdasarkan rekod permohonan bantuan interim yang diterima oleh PERKESO dari 1 Januari hingga 9 Februari 2018, sebanyak 1,430 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut seramai 465 orang telah menerima bantuan interim bulan pertama melibatkan bayaran sebanyak RM279,000.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Di samping itu, di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177), sekiranya seseorang pekerja tidak berpuas hati dengan penamatan perkhidmatannya, beliau mempunyai hak untuk

137

memfailkan representasi pemulihan kerja di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) untuk dipulihkan semula ke jawatan asal tanpa hilang kekananan.

4. JPPM kini telah mengambil langkah untuk menumpukan cadangan penambahbaikan ini bagi mempercepatkan tempoh penyelesaian secara pentadbiran (*administrative*) di peringkat JPPM. Tindakan ini adalah berdasarkan keperluan semasa untuk memastikan proses pengendalian representasi pemulihan kerja di bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) dilaksanakan dengan cekap, mudah dan murah dalam tempoh masa penyelesaian tersebut.

5. Keperluan ini timbul kerana pada ketika ini, tiada had tempoh masa yang khusus ditetapkan di dalam APP 1967 dalam pengendalian kes-kes Representasi Pemulihan Kerja. Tujuan penambahbaikan pengendalian kes-kes Representasi Pemulihan Kerja secara pentadbiran ini adalah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan Perhubungan Perusahaan kepada pelanggan lebih cekap dalam tempoh masa yang munasabah seiring dengan keperluan masa kini.

Tuan Yang Di Pertua,

7. Selain itu, pembaharuan serta penambahbaikan dalam sistem penyimpanan data juga telah diperkemas lagi melalui sistem maklumat operasi Jabatan Perhubungan Perusahaan yang dikenali sebagai *Enforcement Management System Module C (EMSC)* iaitu pelaksanaan proses kerja yang dibuat sepenuhnya secara atas talian atau dengan izin, secara *online* bagi mempercepatkan lagi proses pelaporan setiap kes yang diterima.